



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

KKR KOMITED BEKERJA BERSAMA RAKYAT

KUALA LUMPUR — Kementerian Kerja Raya (KKR) komited dalam melaksanakan agenda pemulihan ekonomi bagi industri pembinaan dengan bekerja bersama rakyat, seperti saranan Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, dalam ucapan pembentukan Kabinet Jumaat lalu.

Dalam Mesyuarat Kabinet hari ini juga, Perdana Menteri telah mengarahkan semua kementerian supaya menetapkan sasaran dan program yang hendak dilaksanakan, dalam tempoh dua minggu ini. Ia meliputi sasaran untuk jangka pendek dan jangka panjang berorientasikan pencapaian keberhasilan, bagi membuktikan pencapaian awal 100 hari pertama seperti ditetapkan.

Susulan itu, dalam mesyuarat Poskab pertama hari ini, saya telah meminta pengurusan KKR supaya menetapkan indeks prestasi utama (KPI), bagaimana untuk kita memastikan semua projek dapat dilaksanakan segera dan memudah cara proses pelaksanaannya demi memulihkan ekonomi secepat mungkin.

Semua peringkat dalam KKR dan agensinya perlu peka dengan keperluan semasa dalam bekerja bersama rakyat. Contohnya, memfokuskan kepada peningkatan infra rakyat dari segi jaringan keterhubungan (connectivity) dan juga keselesaan serta keselamatan.

Justeru tumpuan akan terus diberikan kepada projek seperti Pan Borneo Sarawak dan Pan Borneo Sabah serta Central Spine Road (CSR), selain projek-projek jalan lain yang berada di bawah bidang kuasa KKR.

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
1 SEPTEMBER 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my